



**NOTIS MAKLUMAN
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
SESI 2025/2026**

**PENGGUNAAN LOGO UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) PADA BARANGAN
MERCHANDISE MAHASISWA**

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknologi Malaysia ingin memaklumkan kepada seluruh mahasiswa berhubung garis panduan penggunaan logo Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada barangan *merchandise* yang dihasilkan oleh mahasiswa, persatuan dan kelab mahasiswa.

Logo Universiti Teknologi Malaysia bukan sekadar simbol, malah melambangkan reputasi dan kecemerlangan institusi serta dilindungi sebagai harta intelek universiti bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan atau peniruan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Perkara berkaitan penggunaan logo universiti ini juga adalah selaras dengan peluncuran Logo Komersial UTM yang telah diumumkan semasa Majlis Perutusan Tahun Baharu Naib Canselor 2026 pada 26 Januari 2026 yang lalu.

Sehubungan dengan itu, semua mahasiswa diminta untuk mengambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut serta memastikan penggunaan logo universiti mematuhi garis panduan penjenamaan Universiti Teknologi Malaysia yang telah ditetapkan:

1. Penggunaan Logo Rasmi UTM

Logo rasmi Universiti Teknologi Malaysia hanya dibenarkan untuk kegunaan rasmi universiti seperti pada pakaian kakitangan universiti sahaja. Logo ini tidak dibenarkan untuk digunakan pada sebarang barangan *merchandise* yang dihasilkan oleh mahasiswa, persatuan atau kelab mahasiswa.

2. Penggunaan Logo Komersial UTM

Sebarang penghasilan barangan *merchandise* yang melibatkan identiti Universiti Teknologi Malaysia hendaklah menggunakan Logo Komersial UTM sahaja serta mematuhi garis panduan penjenamaan universiti.

Logo komersial UTM boleh diperoleh melalui pautan berikut:
<https://brand.utm.my/utm-commercial-logo/>

3. Rujukan Basic Brand Kit UTM

Sebarang penggunaan elemen penjenamaan universiti hendaklah merujuk kepada Basic Brand Kit UTM bagi memastikan keseragaman dan pematuhan terhadap identiti korporat universiti.

Basic Brand Kit UTM boleh diakses melalui pautan berikut:
<https://brand.utm.my/utm-basic-brand-kit/>

Maklumat lanjut berkaitan garis panduan penggunaan logo universiti boleh dirujuk melalui hebahan rasmi berikut:

<https://www.facebook.com/share/1DwoSC1Hsm/?mibextid=wwXlfr>

4. Penghasilan Baju Korporat Pelajar

Mahasiswa, persatuan dan kelab mahasiswa adalah diingatkan bahawa penghasilan baju korporat yang menggunakan nama fakulti atau melibatkan identiti Universiti Teknologi Malaysia adalah tidak dibenarkan tanpa melalui saluran serta kelulusan yang ditetapkan oleh pihak universiti.

Pihak universiti melalui Pusat Komunikasi Korporat akan menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa dan tindakan boleh diambil terhadap fakulti atau mana-mana pihak yang membenarkan penghasilan baju korporat tanpa kelulusan yang sewajarnya.

5. Kepatuhan Terhadap Garis Panduan Penjenamaan Universiti

Semua mahasiswa, persatuan dan kelab mahasiswa diminta memastikan setiap penghasilan barangan *merchandise* yang melibatkan identiti universiti mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan identiti rasmi universiti.

Kerjasama dan perhatian semua mahasiswa amat dihargai dalam memastikan penggunaan logo Universiti Teknologi Malaysia sentiasa mematuhi garis panduan penjenamaan universiti yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

“TRANSFORMASI MAHASISWA”

Jabatan Komunikasi, Media dan Strategi
Majlis Perwakilan Pelajar
Universiti Teknologi Malaysia
Sesi 2025/2026

17 Mac 2026